


## KPDNHEP Sarawak pantau caj perkhidmatan dikenakan kedai dandan dan gunting rambut

2020-06-15T17:18:13+08:00

oleh Patricia Gari



Pegawai penguat kuasa melakukan pemeriksaan di sebuah premis dandan dan gunting rambut semasa Ops Catut 7.0.

**KUCHING:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak akan mengambil tindakan tegas ke atas pengusaha kedai dandan dan gunting rambut yang didapati menaikkan harga perkhidmatan melebihi paras margin keuntungan.

Pengarah KPDNHEP Sarawak, Datuk Stanley Tan dalam satu kenyataan berkata tindakan tegas akan diambil di bawah Seksyen 14 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Di bawah Seksyen 14 AKHAP 2011, mana-mana orang dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, mencatut dalam menjual atau menawarkan untuk menjual dan membekalkan apa-apa barang atau perkhidmatan, jika disabit kesalahan, individu boleh didenda hingga RM100,000 atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi syarikat atau pertubuhan perbadanan, boleh didenda sehingga RM500,000," ujarnya hari ini.

Tan berkata KPDNHEP Sarawak sedang menjalankan pemeriksaan harian ke atas premis penyediaan atau pengusaha dandan dan gunting rambut bermula 10 Jun 2020 di bawah Ops Catut 7.0.

Beliau berkata pemeriksaan itu bagi memastikan peniaga mematuhi prosedur pengendalian standard (SOP) ditetapkan pada masa sama menyerahkan notis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 kepada pengusaha dandan dan gunting rambut.

Notis berkenaan katanya bagi membolehkan peniaga atau pengusaha memberi maklum balas berkenaan caj perkhidmatan memotong dan mendandan rambut dikenakan kepada pelanggan.

"Di samping itu, pemeriksaan dijalankan bagi memastikan mana-mana pihak (peniaga) tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga secara tidak munasabah terutama dalam situasi orang ramai memerlukan keperluan tersebut," katanya.

Menurut beliau KPDNHEP Sarawak telah mengeluarkan 171 notis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 dari 1 Januari hingga 14 Jun 2020 dan daripada jumlah tersebut, 151 notis dikeluarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Manakala baki 82 notis berkenaan diserahkan kepada pengusaha dandan dan gunting rambut.

Sehubungan itu, Tan berkata KPDNHEP Sarawak menyeru dan menasihati semua peniaga tidak mengambil kesempatan mengaut keuntungan tidak munasabah dalam tempoh PKPP yang bermula 10 Jun hingga 31 Ogos 2020.

Peniaga juga katanya dinasihat mengamalkan perniagaan beretika dan tidak menaikkan harga sesuka hati.

"KPDNHEP Sarawak akan terus menjalankan pemeriksaan dan pemantauan dari masa ke masa bagi memastikan masyarakat pengguna di luar sana dapat menikmati harga yang berpatutan.

"Sebarang aduan boleh disalurkan melalui talian hotline Kementerian di 1-800-886-800 atau portal e-aduan kpdnhep di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau melalui talian WhatsApp 019-2794317 atau hadir sendiri di mana-mana pejabat Kementerian yang berhampiran supaya tindakan sewajarnya boleh diambil," katanya.

Orang ramai juga katanya boleh menghubungi Pejabat KPDNHEP bahagian di Kuching (082-466052), Sri Aman (083-323836), Sarikei (084-657751), Sibu (084-329202), Kapit (084-799678), Bintulu (086-332176), Miri (085-412862), Limbang (085-217414), Mukah (084-872726) dan Lawas (085-283650).

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/06/15/kpdnhep-sarawak-pantau-caj-perkhidmatan-dikenakan-kedai-dandan-gunting-rambut>